

Pengeluaran makanan perlu ditingkat: PM

21 AUG 1991

SHAH ALAM, Selasa — Pengeluaran bahan makanan negara pada masa depan akan berasaskan struktur pengeluaran yang lebih cecap, moden dan berbentuk komersil serta hanya memerlukan sokongan minimum kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pengeluaran makanan perlu mengambil kira aspek keselamatan yang meliputi makanan asasi ke paras sesuai selaras peningkatan jumlah penduduk negara dan komponen penting negara.

Beliau berkata, keselamatan makanan adalah antara faktor utama merevolusikan industri makanan ke arah tahun 2020 dalam menentukan dasar pengeluaran negara pada masa depan.

"Beberapa jenis komoditi makanan yang dikeluarkan di negara ini menunjukkan bahawa kos faktor pengeluaran, seperti upah, sewa tanah dan garis matla-

mat pulangan kepada pengusahaan bertambah.

"Oleh itu, usaha harus dijalankan dengan lebih berkesan untuk menjadikan Malaysia negara yang mampu mengeluarkan bahan pertanian, termasuk komoditi makanan pada

harga yang mampu bersaing, yang bukan saja dapat bersaing dengan bahan import, malah di pasaran antarabangsa," katanya.

Berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelavan Peringkat Kebangsaan di Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam, di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata, makanan yang diproses harus dijadikan satu faktor penggerak kepada proses perindustrian pertanian pada masa akan datang.

Katanya, penekanan sedemikian dapat memajukan pengeluaran komoditi makanan serta corak permintaan makanan yang dijangkakan pada masa depan.

Hubungan 'forward dan backward linkage' yang boleh diwujudkan oleh industri pengeluaran makanan kepada pembangunan sektor pembuatan perlu diteroka dan digunakan sepenuhnya.